

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING



DR. MAHATHIR MOHAMAD

Proton: Khazanah minat pilih DRB-Hicom

LANGKAWI 11 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) memang berhasrat untuk melupuskan pegangannya dalam Proton Holdings Bhd. (Proton) kepada DRB-Hicom Bhd. (DRB-Hicom) tetapi perkara itu belum diumumkan lagi.

Khazanah adalah pemegang kepentingan terbesar Proton dengan 42.7 peratus.

Penasihat Proton itu berkata, setakat yang diketahuinya, DRB-Hicom menjadi pilihan Khazanah meskipun terdapat dua lagi syarikat telah membuat bidaan.

Sebelum ini, terdapat spekulasi mendakwa DRB-Hicom mendapat saingan hebat daripada Kumpulan Naza untuk menguasai syarikat pengeluar kereta nasional itu.

Beliau berkata, sekiranya Khazanah bercadang melupuskan lebih 30 peratus pegangannya, maka DRB-Hicom perlu membuat tawaran am mandatori.

"Kalau ia berlaku, DRB-Hicom perlu membuat pelaburan yang besar kerana harga yang ditawarkan itu lebih tinggi berbanding harga pasaran semasa.

"Saya cuma khuatir jika DRB-Hicom mengeluarkan tunai yang banyak, ia boleh menjejaskan suntikan pelaburan kepada Proton nanti.

"Saya tidak menafikan keupayaan DRB-Hicom untuk mengambil alih Proton tetapi sekiranya ia perlu membuat pelaburan besar, dikhuatiri DRB-Hicom akan mengalami masalah untuk membuat keuntungan," katanya ketika ditemui pada Forum Pelaburan 2011 anjuran MIDF Amanah Investment Bhd. di sini baru-baru ini.

Saham Proton ditutup pada harga RM3.99 pada Jumaat lalu selepas dibuka pada harga RM4.050.

Sebelum ini, harga saham Proton melonjak kepada harga RM4.60 selepas Pengarah Urusan Proton, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohd. Tahir mengesahkan barisan pengurusan syarikat kereta nasional itu berminat untuk membuat pengambilalihan.

Pengambilalihan itu didakwa diketuai oleh Pengerusi Proton, Datuk Seri Mohd. Nadzmi Mohd. Salleh.

"Kalau hendak jual Proton pun kena tahu yang pembeli itu boleh ke tidak boleh (menguruskannya). Kadang-kadang ada pihak mahu membeli Proton kerana aset-asetnya yang banyak. Proton ada banyak aset, tanah

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Penasihat Proton

Mahathir berkata, Khazanah mahu melupuskan Proton kerana sayap pelaburan itu tidak mampu lagi menyuntik dana ke dalam Proton.

Beliau berkata, keadaan itu menyukarkan Proton membuat pelaburan tambahan baharu dalam kereta hibrid dan kenderaan elektrik.

"Kalau Khazanah tidak membuat suntikan dana, susahlah Proton hendak memperkalkan model-model baharu.

"Bukan kerajaan tidak memberi bantuan, tetapi ia tidak mencukupi ujar beliau.

Ditanya sama ada penjualan Proton kepada DRB-Hicom akan menjejaskan status Proton sebagai kereta nasional, Mahathir berkata: "Semasa awal dahulu. Tan Sri Yahya pernah membeli Proton dan kerajaan masih memberi perlindungan dan mengekalkan status Proton".

Menjawab pertanyaan lain, beliau memberi restu pembelian oleh DRB-Hicom kerana Proton akan diambil oleh Kumpulan milik Syed Mokhtar Albukhary yang memiliki kebolehan dalam menguruskan pelaburan, automotif dan industri lain.

"Kalau hendak jual Proton pun kena tahu yang pembeli itu boleh (melakukannya) ke tidak boleh.

"Kadang-kadang ada pihak yang mahu membeli Proton kerana aset-asetnya yang banyak. Proton ada banyak aset, tanah," tambah beliau.